

26/02/2000

Pertumbuhan lapan peratus boleh dicapai

Kadir Dikoh; Jamhariah Jaafar; Wan Hazmir Bakar dan Munaarfah Abu Bakar KUALA LUMPUR, Jumaat - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, tidak mustahil ekonomi negara kembali mencatat pertumbuhan lapan peratus setahun seperti sebelum kegawatan ekonomi pada 1997.

Perdana Menteri menyuarakan keyakinan itu berdasarkan prestasi ekonomi semasa yang memberangsangkan.

Beliau berkata, tahun lalu negara mencatat pertumbuhan 4.3 peratus, tetapi Malaysia sebenarnya mampu mencapai 5.4 peratus, iaitu satu pertumbuhan yang sangat baik berbanding prestasi negara lain.

"Saya rasa hanya Korea mencatat pertumbuhan lebih baik daripada kita," katanya.

Pada sidang akhbar selepas Menteri Kewangan, Tun Daim Zainuddin membentangkan semula Belanjawan Negara 2000 di Dewan Rakyat hari ini, Dr Mahathir bagaimanapun tidak memberitahu bila angka pertumbuhan lapan peratus Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) itu boleh dicapai.

Ketika membentangkan Belanjawan itu, Daim mengumumkan pertumbuhan KDNK suku keempat 1999 sebanyak 10.6 peratus, iaitu catatan tertinggi suku tahunan sejak 1997 dan dengan itu KDNK bagi sepanjang 1999 berkembang sebanyak 5.4 peratus, berbanding ramalan 4.3 peratus sebelum ini.

Berdasarkan perkembangan itu, Menteri Kewangan menyatakan KDNK tahun ini dijangka berkembang pada kadar 5.8 peratus, iaitu melebihi unjuran 5.0 peratus yang diumumkan ketika pembentangan Belanjawan, 29 Oktober lalu.

Ditanya sama ada unjuran pertumbuhan lima peratus itu agak konservatif, sedangkan sesetengah penganalisis meramalkan angka itu mungkin lebih tinggi lagi, Dr Mahathir berkata:

"Ia mungkin konservatif. Tetapi seseorang harus ingat bahawa pertumbuhan bagi tahun ini, akan berasaskan pertumbuhan 1999, yang mana pertumbuhan tahun lalu berasaskan pertumbuhan 1998, iaitu pertumbuhan negatif. Maka, pertumbuhan itu lebih mudah. Sekarang kita harus membandingkan pertumbuhan bagi 1999."

Mengenai kemungkinan kadar tambatan ringgit yang ditetapkan RM3.80 bagi setiap dolar Amerika sejak September 1998 akan diubahsuai, Perdana Menteri berkata, tidak ada sebab bagi Malaysia berbuat demikian.

"Kita tidak nampak sebarang alasan kecuali kita benar-benar menjadi kurang saingan berbanding dengan negara jiran kita, maka kita akan menimbangkannya ... tetapi hanya jika wujud tekanan yang mendesak," katanya.

Ditanya apakah maksudnya dengan tekanan berlebihan itu, Dr Mahathir berkata: "Jika baht (mata wang Thailand) tiba-tiba merudum sebanyak 50 peratus, kita mungkin pertimbangkan. Tetapi saya tidak terfikir ia akan berlaku dengan begitu cepat".

Bagaimanapun, katanya, ada kemungkinan kadar tambatan itu dikekalkan tahun ini.

Mengenai inflasi, Dr Mahathir berkata, ia tidak mungkin meningkat kerana kerajaan mengawal harga barangan keperluan, iaitu segmen yang mempengaruhi inflasi.

Kadar inflasi tahunan diukur oleh indeks harga pengguna yang kadarnya menurun kepada cuma 2.8 peratus tahun lalu daripada 5.3 peratus pada 1998 tetapi tahap itu meningkat 1.6 peratus Januari lalu.

"Jika ada inflasi, ia tidak akan terlalu tinggi," katanya.

Mengenai isu Central Limit Order Book (Clob) International yang dibekukan, Dr Mahathir berkata pemegang saham berkenaan harus berfikiran

waras dan menerima tawaran untuk membeli saham mereka pada harga diskaun.

Katanya, ketiga-tiga pihak yang membuat tawaran membeli terpaksa menyimpan saham itu dan tidak boleh menjualnya serta merta, menyebabkan mereka menghadapi risiko penurunan harga.

Tawaran untuk membeli saham Clob pada harga diskaun daripada harga semasa dibuat oleh Effective Capital Sdn Bhd; Bintang Melewar Sdn Bhd; dan United Engineers (Malaysia) Bhd.

Dr Mahathir berkata, jika Malaysia tidak membekukan saham Clob, nilai saham di Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL) akan jatuh di bawah paras 280 mata seperti diukur melalui indeks komposit.

Sambil menyifatkan tawaran itu sebagai baik, beliau berkata asasnya ialah pemegang saham Clob tidak seharusnya mengharap mendapat semua dan mereka harus menerima pada harga diskaun.

Beliau menasihatkan pemegang saham Clob supaya lebih munasabah dan menimbangkan salah satu daripada tiga tawaran berkenaan.

Perdana Menteri berkata, Malaysia komited bagi memastikan isu Clob dapat diselesaikan.

(END)